



Buletin

SEDIA
MENYELAMAT
999

"CEPAT DAN MESRA"

BIL 4/2013 ISSN 1985-0859

BOMBA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department of Malaysia



**SAMBUTAN HARI
INOVASI 2013**

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



KANDUNGAN

Bil	M/S	Bil	M/S
1.		19.	24
Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis	3	Majlis Penyerahan Kunci Rumah di Bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) di Temerloh, Pahang	
2.		20.	25
Majlis Penyerahan Kunci Rumah Sempena Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis	4	Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	
3.		21.	26
Majlis Penyerahan Kunci Rumah Sempena Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah	5	Lawatan YBhg. Datuk Noriah binti Hashim Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Pengerusi Puspanita KPKT ke Balai Bomba dan Penyelamat Chukai, Kemaman	
4.		22.	27
Majlis Penyerahan Kunci Rumah di Bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka	6	Lawatan Mesra YAS Ketua Pengarah ke Balai Bomba dan Penyelamat Selama, Perak	
5.		23.	28
Majlis Perasmian Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Zon Tengah	7	Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Oktober 2013 dan Majlis Qurban 1434H Peringkat Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	
6.		24.	30
Majlis Tamat Latihan Pegawai Bomba Gred KB 17 Siri 1/2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	8	Lawatan ke AVP Engineering di Teluk Panglima Garang, Selangor	
7.			
Majlis Penyerahan Kunci Rumah di Bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 7) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan	9		
8.			
Seminar Keselamatan Kebakaran 2013 JBPM Labuan	11		
9.			
Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bil. 2 Tahun 2013	12		
10.			
SUKEP 2013	13		
11.			
Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Penyampaian Sijil Perkhidmatan Terpuji dan Sijil Pesara Tahun 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu	14		
12.			
Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Sambutan Hari Inovasi Tahun 2013 JBPM Negeri Selangor	15		
13.			
Lab Ketua Balai di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu	16		
14.			
Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Wilayah Timur dan Wilayah Selatan Tahun 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	17		
15.			
Lawatan Mesra YAS Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ke Balai Bomba dan Penyelamat Serdang	19		
16.			
Sambutan Hari Inovasi 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	20		
17.			
Lawatan Kerja YAS Ketua Pengarah JBPM ke Balai Bomba dan Penyelamat Penawar, Johor	22		
18.			
Majlis Penutupan Kejohanan Ping Pong antara Balai-Balai Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	23		

Sidang Redaksi

Penaung

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim

Penasihat

YAS Dato' Mahadi bin Md Ali

YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof

Ketua Editor

PPjB Sobberi bin Basiran

Editor

PgKB I Lee Siew Fatt

PgB Norizan bin Saad

Pengarang

PgKB I Abd Fathulmuen bin Abd Salam

PgKB I Henderi bin Ardimansyah

PgB Mohd Hafiz bin Suhaimi

PKPgB Jason Bilin

PKPgB Rozizah binti Abni Hajar

PKPgB Mohd Fadli bin Nik Abu

PKPgB Anuar bin Hj. Hassan

PKPgB Ramali bin Arbaie

PKPgB Kamarulzaman bin Jaafar

PKPgB Hafidzatullah bin Rashid

PPgB Nor Azlinda binti Mohd Ajlan

PBT Ismail Abdullah

PBK I Zulkifli bin Abdullah

PBK I Bazri bin Abdul Rahman

Bhg. Pengurusan Korporat

Bhg. Pengurusan Korporat

JBPM Kedah

JBPM Labuan

JBPM Terengganu

JBPM Perak

JBPM Pahang

JBPM Negeri Sembilan

JBPM Perlis

JBPM Melaka

Bhg. Pengurusan Korporat

JBPM Johor

JBPM Selangor

JBPM Kelantan

Fotografi

PB Khairul Azmi bin Mohd Noor

PB Syed Fitri bin Syed Abas

PB Mohd Hanafi bin Baharudin

Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri

Seluruh warga Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dialu-alukan menyumbang penulisan sama ada dalam bentuk rencana, laporan, aktiviti bulanan, pandangan atau pendapat lain-lain hal yang berkaitan dengan Jabatan. Sumbangan boleh dimajukan kepada:

Sidang Redaksi, Buletin Bomba

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya
Tel : +603-8888 0036 Faks : +603-8888 0840 Emel : korporat@bomba.gov.my Laman Web : <http://www.bomba.gov.my>

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN 2013

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Perlis



1 Oktober 2013 (Selasa) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis telah mengadakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan di Hotel Seri Malaysia, Kangar Perlis pada 1 Oktober 2013. Majlis telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YS PgKB I Mohd Fadzil bin Haroon, Pengarah JBPM Negeri Perlis, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, pegawai kanan serta kakitangan JBPM Negeri Perlis.



SENARAI PENERIMA PINGAT KEBESARAN JABATAN 2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERLIS

BIL.	NAMA	JAWATAN	NAMA PINGAT
1.	AZAHAR BIN HAMIS	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT SETIA BOMBA
2.	SAAD BIN LATIF	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT SETIA BOMBA
3.	HARUN BIN AHMAD	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT SETIA BOMBA
4.	CHE RUS BIN SAAT	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT SETIA BOMBA
5.	KU YAHYA BIN KU MAT ISA	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT SETIA BOMBA
6.	ADNAN BIN ABU SEMAN	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT SETIA BOMBA
7.	ZANOL BIN MD. ARIFFIN	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
8.	ABDULLAH BIN SHAFFIE	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
9.	ABDUL RAHMAN BIN HASSAN	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
10.	ROSLI BIN MANSOR	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
11.	ISMAIL BIN AHMAD	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
12.	HISHAM BIN CHE HARON	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
13.	SYED HAFIZI BIN SYED OTHMAN	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
14.	ABD. RANI BIN NANYAN	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
15.	ASMADI BIN HASSAN	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
16.	ABDUL MALIK BIN MUSTAFA	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA
17.	ZULKHAIRI BIN MAT TANJIL	PEGAWAI BOMBA KB 17	PINGAT CEMERLANG BOMBA



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH SEMPENA PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS 7) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERLIS

1 Oktober 2013, Kangar- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis telah mengadakan Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Rumah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan “My Beautiful Neighbourhood” Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertempat di Jalan Kaki Bukit, Perlis.

Majlis tersebut telah di sempurnakan oleh YAS Dato’ Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir YB Datuk Mat Rawi bin Kassim, Exco Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Tuan Hj. Mat bin Hj Hassan, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YS PgKB I Mohd Fadzil bin Haroon, Pengarah JBPM Perlis, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Perak, Timbalan Pengarah Kedah, pegawai-pegawai kanan jabatan serta penduduk setempat di Perlis.

Antara pengisian program yang diadakan sempena majlis tersebut ialah Penyerahan Replika Kunci Rumah, Penyerahan Sijil Penghargaan dan pameran kebombaian.

Penerima projek di Kaki Bukit, Perlis adalah Puan Noorzarina binti Darus.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH SEMPENA PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS 7)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KEDAH



1 Oktober 2013 (Selasa) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Rumah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan "My Beautiful Neighbourhood" Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Kampung Belukar, Changlun Kedah pada 1 Oktober 2013. Turut hadir di majlis tersebut ialah Exco-exco Kerajaan Negeri Kedah, YS PKPjB Ahmad bin Shahabuddin, Pengarah JBPM Negeri Kedah, pegawai kanan JBPM serta penduduk setempat.

Program yang diadakan sempena majlis tersebut ialah Penyerahan Replika Kunci Rumah, Penyerahan Sijil Penghargaan dan Pameran Kebombaanan. Pemilik rumah iaitu Puan Hasenah binti Mahmud yang tinggal di Kampung Belukar, Changlun Kedah adalah penerima yang paling layak untuk menerima bantuan tersebut.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH DI BAWAH PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS 7)

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA**



4 Oktober 2013 - Majlis Penyerahan Kunci Rumah, Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan Ke-7 (NBOS7) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka telah diadakan di Kampung Air Salak, Bukit Rambai, Melaka. Majlis Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Ar. Hj. Ismail bin Othman EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Negeri Melaka mewakili YAB Datuk Wira Ir. Idris bin Haron Ketua Menteri Melaka. Turut hadir dalam majlis adalah YAS Dato' Wan Mohd Noor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM, YB Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Ahli Parlimen Tangga Batu, merangkap Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, YB Lim Ban Hong, ADUN Kawasan Klebang, YBhg Encik Azrai Yusni bin Kamarulzaman, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) YS PPjB Norazam bin Khamis, Pengarah JBPM Negeri Sembilan dan YS PPjB Zainuddin bin Md. Alip, Pengarah JBPM Negeri Melaka.

Dalam majlis tersebut, YB Datuk Ar. Ismail Othman menyerahkan replika kunci rumah kepada tuan rumah En. Andrew Chua Kong Hiaw. Selepas menyampaikan replika kunci berkenaan YB Datuk Ar. Ismail bin Othman diiringi YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim melawat tapak rumah yang telah siap. Majlis tersebut diakhiri dengan sesi sidang media serta jamuan ringan.



MAJLIS PERASMIAN **KONVENSYEN** **PASUKAN BOMBA** **SUKARELA ZON TENGAH**



6 Oktober 2013 (Ahad) - Majlis Perasmian Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela dan Program Bomba Bersama Masyarakat Zon Tengah telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Perkarangan Stadium Shah Alam, Selangor pada 5 hingga 6 Oktober 2013. Konvensyen tersebut telah disertai oleh peserta-peserta daripada empat (4) buah negeri iaitu JBPM Negeri Selangor, JBPM Kuala Lumpur, JBPM Negeri Perak dan JBPM Negeri Sembilan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri, pegawai-pegawai kanan jabatan, Pasukan Bomba Sukarela, Bomba Agensi, Pasukan Keselamatan Kebakaran serta penduduk setempat.

Antara program yang dijalankan ialah pameran kebombaan, pertandingan mewarna, fire fighters junior, kuiz kebombaan, pertandingan kawad kecekapan Pasukan Bomba Sukarela, pertandingan kawad kecekapan agensi swasta, serta demonstrasi pasukan Khas Unit HAZMAT.



MAJLIS TAMAT LATIHAN PEGAWAI BOMBA GRED KB 17 SIRI 1/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



7 Oktober 2013 (Isnin) bersamaan dengan 2 Zulhijjah 1434H - Majlis Tamat Latihan Pegawai Bomba Gred KB 17 Siri 1/2013 telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu pada 7 Oktober 2013 (Isnin).

Turut hadir ialah YAS Dato Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), PPjB Razak bin Muda, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Penolong-Penolong Ketua Pengarah serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Majlis tamat latihan pada kali ini disertai seramai 274 orang yang terdiri daripada 270 orang Pegawai bomba Gred KB 17, tiga (3) orang Pegawai Bomba Johor Port dan seorang Pegawai Bomba, Sarawak Shell. Majlis tamat latihan ini merupakan acara tradisi dan kemuncak bagi pelatih-pelatih Kursus Sijil Sains Kebombaan yang diadakan sebagai tanda berakhirnya kursus dan persediaan pelatih-pelatih untuk menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.

Sepanjang tempoh kursus yang dilalui, setiap pegawai telah didedahkan dengan ilmu dan kemahiran kebombaan meliputi aspek teori dan praktikal seperti operasi kebombaan dan penyelamatan, pengurusan kebombaan, penyiasatan kebakaran dan undang-undang kebombaan, penggunaan alat pernafasan (mandatori), mencari dan menyelamatkan, keselamatan kebakaran dan kejuruteraan kebombaan. Bagi setiap modul yang dilalui oleh semua pelatih ini akan dinilai dan ditentukan melalui peperiksaan teori dan praktikal. Pada kali ini Anugerah Pelatih Terbaik Teori dianugerahkan kepada PB Nor Zubaidah binti Hamid, manakala Anugerah Pelatih Praktikal Terbaik dianugerahkan kepada PB Yusuf bin Mohamad dan Anugerah Pelatih Keseluruhan Terbaik dianugerahkan kepada PB Muhamad Shafziran bin Abu Bakar.



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH DI BAWAH PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS 7)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA LABUAN

Projek House Build (NBOS 7) My Beautiful Neighbourhood merupakan projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan menggunakan peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Projek yang telah memasuki fasa kedua tahun 2013 telah dikembangkan dan melibatkan negeri Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Projek ini adalah bertujuan untuk membantu membina semula rumah yang musnah akibat kebakaran. Bagi Wilayah Persekutuan Labuan lokasi pelaksanaan projek yang telah dikenalpasti beralamat di Kg Kilan Pulau Akar.



Tarikh Kebakaran	: 12 Januari 2012 (03.30 am)
Nama	: Suhaili bin Hj. Matali
Bangsa	: Kedayan
Nama Isteri	: Fauziah binti Puruching
Jumlah Anak	: 3 Orang (Berumur Antara 9,7 dan 4 tahun)
Pekerjaan	: Pemandu Lori
Pendapatan	: Kurang daripada RM 1500
Alamat Rumah Terbakar	: RH 10 Kg Kilan Pulau Akar WP. Labuan
Status Tempat Tinggal Sekarang	: Menumpang di Rumah Keluarga
Status tanah	: Tanah Pusaka Ayah En Suhaili iaitu Hj. Matali bin Misir
Kawasan Jagaan Balai Bomba	: Balai Bomba dan Penyelamat Kg Layangan

Kelulusan daripada pihak KKLW yang telah memperuntukan waran sebanyak RM47,000 bagi membina semula rumah yang terbakar berkeluasan 20'x 30' yang berasaskan konkrit telah diberikan kepada En Suhaili Bin Matali (751217-12-5961) beralamat RH10 Kg Kilan Pulau Akar WP. Labuan.

Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan secara rasminya pada 12 Ogos 2013 dimulakan dengan kerja secara gotong-royong melibatkan semua warga JBPM Labuan dan turut dihadiri oleh YS PgKB I Jainal @ Zainal bin Madasin, Pengarah JBPM Labuan.





MAJLIS PENYERAHAN KUNCI (NBOS 7)

Majlis penyerahan kunci telah disempurnakan sendiri oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersempena lawatan kerja YAS Ketua Pengarah ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Labuan, pada 12 Oktober 2013. Lokasi penyerahan telah disempurnakan dihadapan rumah En. Suhaili bin Hj. Matali dan turut disaksikan oleh Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi, YS Dato' Soiman bin Jahid. Turut hadir adalah Yang Berhormat Senator Dato' Yunus bin Hj. Kurus merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan.

Dalam ucapan tersebut YAS Ketua Pengarah telah menzahirkan rasa gembira beliau kerana program ini telah berjaya dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan. Pada majlis tersebut YAS juga berbesar hati menyampaikan sijil penghargaan kepada petugas-petugas yang telah bekerja keras bagi menyiapkan projek seperti yang telah dirancang.



Seminar Keselamatan Kebakaran JBPM Labuan Tahun 2013 telah diadakan pada 24 Oktober 2013 bertempat di Hotel Tiara Labuan. Seminar ini berlangsung selama satu hari bermula daripada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang dan dihadiri lebih 150 peserta dari pelbagai sektor seperti pengusaha hotel-hotel, kilang-kilang dan juga syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang perindustrian minyak dan gas di W.P.Labuan.



SEMINAR KESELAMATAN KEBAKARAN JBPM LABUAN TAHUN 2013

Tujuan utama seminar ini adalah bagi memberi pengetahuan berkaitan aspek keselamatan kebakaran serta kepentingan mewujudkan pasukan tindakan awal kecemasan di premis-premis yang mempunyai risiko kebakaran yang tinggi. Seminar ini juga sebagai salah satu tempat bagi bertukar-tukar pandangan dan pendapat di antara ahli seminar yang hadir disamping mendapatkan penjelasan daripada ahli panel yang dijemput berhubung aspek keselamatan kebakaran.

Seminar ini telah dirasmikan oleh PPjB Nik Zulkifli bin Ibrahim yang mewakili YAS Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Seminar ini juga merupakan satu daripada program utama dalam kempen mencegah kebakaran yang diadakan di W.P. Labuan.



MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN DAN PEGAWAI MAKMAL BIL. 2 TAHUN 2013



Mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Negeri-Negeri Bil. 2 Tahun 2013 telah diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2013 di Century Pines Resort, Cameron Highlands, Pahang. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YAS Dato' Ketua Pengarah pada 28 Oktober 2013 manakala perasmian penutupan disempurnakan oleh YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) pada 30 Oktober 2013. Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari ini telah membincangkan pelbagai perkara berkaitan penyiasatan serta menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam merealisasikan peranan penyiasatan kebakaran.





SUKEP 2013

Pertandingan Sukan Empat Penjurong (SUKEP) yang melibatkan empat (4) agensi utama iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Pegawai-Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) telah diadakan pada 14 Oktober hingga 5 November 2013. Antara sukan dipertandingkan adalah Bola Sepak, Badminton, Bola Tampar, Boling dan Golf.

Majlis Penutupan SUKEP 2013 telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Institut Penilaian Negara (INSPEN) Bangi, Selangor. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menjadi johan didalam pertandingan bola tampar yang merupakan acara terbaru yang dipertandingkan didalam SUKEP 2013.





YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim sempat bertanya sesuatu kepada anak Allahyarham Mohd Jebri bin Awang sambil diperhatikan oleh Puan Napisah binti Deraman

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, PENYAMPAIAN SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI DAN SIJIL PESARA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI TERENGGANU

11 November 2013 (Isnin) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu telah mengadakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Penyampaian Sijil Perkhidmatan Terpuji dan Sijil Pesara bagi Tahun 2013 di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu. Majlis telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Seramai 19 orang pegawai telah dianugerahkan Pingat Kebesaran Jabatan iaitu satu (1) orang menerima Pingat Setia Bomba (PSB) manakala 18 orang menerima Pingat Cemerlang Bomba (PCB). Dalam majlis tersebut juga seramai 28 orang pegawai termasuk kaki tangan gunasama telah menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji dan empat (4) orang pesara bomba menerima Sijil Pesaraan daripada YAS Ketua Pengarah.

Semoga penganugerahan ini akan menjadi pembakar semangat kepada warga JBPM Negeri Terengganu untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada masyarakat dan hasrat jabatan untuk menjadi organisasi berprestasi tinggi akan tercapai.

YAS Ketua Pengarah juga telah menyampaikan sumbangan kebajikan sebanyak RM16,000.00 daripada Skim Perlindungan Takaful Berkelompok kepada Puan Napisah binti Deraman gemulah kepada Allahyarham PBK II Mohd Jebri bin Awang yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 12 September 2013 disebabkan oleh Cardiac Aritrimia Attack. Diharapkan sumbangan yang disampaikan sedikit sebanyak akan dapat membantu keluarga Allahyarham untuk meneruskan kehidupan.



Penerima Sijil Perkhidmatan Terpuji bergambar kenang-kenangan bersama YAS Ketua Pengarah



PKPGB Rozlan bin Seman yang bertugas di zon 2 Terengganu menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji dari YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim



Pesara bomba Encik Azhar bin Noh menerima Sijil Penghargaan Pesara dari YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim

MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN

DAN SAMBUTAN HARI INOVASI TAHUN 2013 JBPM NEGERI SELANGOR



Majlis Penghargaan Pingat Kebesaran Jabatan dan Sambutan Hari Inovasi JBPM Negeri Selangor Tahun 2013 telah berlangsung dengan gemilang pada 15 November 2013 di Setia City Convention Center, Setia Alam. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penghargaan Pingat Kebesaran Jabatan dan penyampaian hadiah Pertandingan Hari Inovasi Tahun 2013. Seramai 42 pegawai bomba dan 3 orang ahli Pasukan Bomba Sukarela telah menerima pingat kebesaran jabatan pada kali ini. Di majlis yang sama dua (2) pegawai telah menerima sijil penghargaan 30 tahun perkhidmatan dan sembilan (9) pegawai menerima sijil persaraan. Turut hadir di majlis tersebut ialah PPJB Mohd Puzi bin Mohd Tabot, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Selangor dan pegawai-pegawai kanan jabatan.





LAB KETUA BALAI DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WAKAF TAPAI, TERENGGANU



15 November 2013 bertempat di ABPM Wakaf Tapai telah diadakan LAB Ketua-Ketua Zon dan Balai Siri 3/2013 anjuran Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamatan JBPM. Seramai 109 pegawai kanan jabatan daripada enam (6) buah Negeri iaitu JBPM Perlis, JBPM Kedah, JBPM Pulau Pinang, JBPM Pahang, JBPM Kelantan dan JBPM Terengganu telah menghadiri lab tersebut.

Objektif Lab ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan dasar-dasar dan maklumat tentang perkembangan terkini jabatan serta meningkatkan kualiti pengurusan operasi terutamanya di negeri-negeri.



KONVENSYEN PASUKAN BOMBA SUKARELA WILAYAH TIMUR DAN WILAYAH SELATAN TAHUN 2013

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



Pada 5 hingga 7 Disember 2013, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Wilayah Timur dan Wilayah Selatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk tahun 2013.



Majlis Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 6 Disember 2013 di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu. Turut hadir bagi memeriahkan lagi majlis perasmian adalah YS Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu, YS PPjB Hj. Zainuddin bin Md. Alip, Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka dan PPjB Abd. Razak bin Muda Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai.

Di majlis perasmian tersebut, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim telah menyampaikan cenderahati, *pendant* dan sijil penghargaan kepada semua ahli Pasukan Bomba Sukarela dan Pasukan Keselamatan Kebakaran yang telah mengambil bahagian.



Konvensyen yang julung-julung kalinya diadakan di Negeri Terengganu telah disertai oleh 37 Pasukan Bomba Sukarela dan Pasukan Keselamatan Kebakaran, iaitu daripada Negeri Terengganu (15 pasukan), Kelantan (5 pasukan), Pahang (5 pasukan), Johor (8 pasukan) dan Melaka (4 pasukan). Seramai 252 orang ahli PBS telah berkumpul di Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu untuk bertanding dalam pertandingan-pertandingan yang telah diadakan seperti Pertandingan Kawad Hos Berpasukan (Basah), Kawad Hos Berpasukan (Kering), Kawad Hantaran Jauh 1000 Kaki dan Kawad Hos Perseorangan Wanita dan Lelaki.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu pada 7 Disember 2013. Diharapkan dengan berakhirnya Konvensyen PBS pada kali ini, ianya dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara satu sama lain disamping dapat bertukar-tukar pandangan dan pendapat di antara negeri-negeri yang bertanding.

Tahniah juga diucapkan kepada JBPM Negeri Terengganu kerana telah berjaya menganjurkan konvensyen ini dengan jayanya walaupun terlibat dengan tugas-tugas operasi menyelamatkan mangsa banjir di Daerah Kemaman dan Chukai.





LAWATAN MESRA YAS KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SERDANG, KEDAH

16 November 2013 (Sabtu) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan ramah mesra ke Balai Bomba dan Penyelamat Serdang, Kedah. PPjB Awang Hidzel bin Awang Bujang, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Kedah, Penolong-Penolong Pengarah Bahagian, Ketua Zon Kulim, Ketua Balai dan Anggota BBP Serdang telah menyambut kedatangan YAS Dato' Ketua Pengarah bersama-sama rombongan dari Ibu Pejabat JBPM Putrajaya.

Turut hadir adalah YS Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Hj. Yahya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak dan pegawai-pegawai kanan yang lain.

Lawatan tersebut dimulai dengan Ketua Balai BBP Serdang membawa YAS Ketua Pengarah dan rombongan melawat kawasan balai dan seterusnya majlis ramah mesra bersama pegawai dan anggota balai.



SAMBUTAN HARI INOVASI 2013

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

24 hingga 27 November 2013 - Sambutan Hari Inovasi 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di KSL Hotel & Resort, Johor Bahru pada 24 hingga 27 November 2013. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir di majlis tersebut ialah YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri serta pegawai-pegawai serta kakitangan JBPM.

Sepanjang sambutan tersebut pelbagai program dan aktiviti dijalankan antaranya ialah Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif, Pertandingan Inovasi, Pertandingan Debat, Pertandingan "Fire Chef" serta Pameran Inovasi dan Keselamatan Kebakaran.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta daripada negeri-negeri yang telah mengambil bahagian di dalam Sambutan Hari Inovasi 2013, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berlangsung di Negeri Johor.



Keputusan Pertandingan

KEPUTUSAN:

1. FIRE CHEF BOMBA D' DAPUR

- a. JOHAN : JBPM KUALA LUMPUR
- b. NAIB JOHAN : JBPM NEGERI TERENGGANU
- c. TEMPAT KETIGA : JBPM NEGERI SELANGOR

2. DEBAT

- a. JOHAN : JBPM NEGERI PERLIS
- b. NAIB JOHAN : JBPM NEGERI SARAWAK
- c. TEMPAT KETIGA : JBPM NEGERI PAHANG

3. KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

- a. JOHAN : JBPM NEGERI SEMBILAN
- b. NAIB JOHAN : JBPM NEGERI SELANGOR
- c. TEMPAT KETIGA : JBPM NEGERI PAHANG

4. INOVASI

- a. JOHAN : JBPM NEGERI PULAU PINANG
- b. NAIB JOHAN : JBPM NEGERI PERLIS
- c. TEMPAT KETIGA : JBPM KUALA LUMPUR



Keputusan Pemenang Sambutan Sambutan Hari Inovasi 2013 Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

1. Pertandingan Kawad Kecekapan
Piala Pusingan : JBPM Negeri Selangor
2. Pertandingan Debat
Piala Pusingan : JBPM Negeri Perlis
3. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
Piala Pusingan : JBPM Negeri Sembilan
4. Pertandingan Inovasi
Piala Pusingan : JBPM Negeri Pulau Pinang
5. Pengurusan Terbaik
Piala Pusingan : JBPM Negeri Selangor
6. Balai Cemerlang Kategori C
Piala Pusingan : BBP Sipitang, JBPM Negeri Sabah
7. Balai Cemerlang Kategori A/B
Piala Pusingan : BBP Kerteh JBPM Negeri Terengganu
8. Anugerah Organisasi Berprestasi Tinggi
Piala Pusingan : JBPM Negeri Selangor



LAWATAN KERJA YAS KETUA PENGARAH KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PENAWAR, JOHOR

27 November 2013 (Rabu) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Penawar, Johor pada 27 November 2013. Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, YS PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, YS PKPjB Dato' Ab Ghani bin Daud, Pengarah JBPM Negeri Johor serta pegawai-pegawai kanan JBPM.

YAS Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai kanan jabatan dibawa melawat sekitar kawasan tapak pembinaan projek balai bomba di Sebanu Curve, Bandar Penawar serta persekitaran balai dan tempat latihan BBP Bandar Penawar. Seterusnya taklimat ringkas disampaikan oleh Ketua Balai BBP Bandar Penawar mengenai operasi kebommbaan dan juga aktiviti latihan yang dijalankan sepanjang tahun 2013. Lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan yang sedia ada antara pengurusan tertinggi dengan pegawai-pegawai di balai.



MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN PING PONG ANTARA BALAI-BALAI BOMBA 2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Majlis Penutupan Kejohanan Ping Pong antara Balai-Balai Bomba 2013, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah berlangsung di Dewan ADTEC, Jeratut pada 1 Disember 2013. Majlis Penutupan telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YS Dato' Soiman bin Jahid selaku Pengerusi Biro Sukan (MASKAB), YS Dato' Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin, Pengarah JBPM Negeri Pahang serta pegawai-pegawai kanan jabatan. Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya, Selangor telah muncul juara Kejohanan Ping Pong antara Balai-Balai Bomba 2013 dengan menewaskan Balai Bomba dan Penyelamat Jerantut, Pahang di perlawanan akhir.



MAJLIS PENYERAHAN KUCI RUMAH PROGRAM NATIONAL BLUE OCEAN STARATEGY (NBOS7) DI TEMERLOH, PAHANG

30 November 2013 (Ahad) - Majlis Penyerahan Kunci Rumah dibawah Program National Blue Ocean Strategy (NBOS7) telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Ismail bin Mohamed Said, Ahli Parlimen Kuala Krau merangkap Timbalan Speaker Dewan Rakyat di Kampung Baru, Temerloh Pahang pada 30 November 2013 (Ahad).



Turut hadir sempena majlis tersebut ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Dato' Abdul Wahab bin Mat Yasin, pegawai-pegawai kanan JBPM, penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli JKKK serta penduduk setempat.





**MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN
DAN PENYELAMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

2 hingga 3 Disember 2013 - Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, telah mengadakan Mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Operasi Kebombaan dan Penyelamat Negeri-negeri Bil 3/2013 di Tistle Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Operasi Kebombaan dan Penyelamat tersebut telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis perasmian telah diadakan pada 2 Disember 2013. Turut hadir di dalam majlis tersebut adalah YS Dato' Soiman Bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PPJB Norazam bin Khamis, Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan, Penolong-Penolong Pengarah Operasi Negeri serta ketua-ketua cawangan di Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.





LAWATAN

YBHG. DATUK NORIAH BINTI HASHIM

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
MERANGKAP PENERUSI PUSPANITA KPKT
KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT CHUKAI, KEMAMAN**

Pada 18 Disember 2013, YBhg. Datuk Noriah binti Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat Chukai, Kemaman, Terengganu.

Kehadiran YBhg. Datuk Noriah binti Hashim ke Negeri Terengganu adalah dalam rangka lawatan beliau selaku Pengerusi Puspanita, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam program Sukarelawan IM4U Puspanita KPKT untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Daerah Kemaman, Terengganu.

Dalam rangka lawatan tersebut, YBhg. Datuk dan rombongan juga telah mengadakan lawatan ke Balai Polis Pasir Gajah, Kemaman dan Balai Bomba dan Penyelamat Chukai, Kemaman yang telah dilanda banjir bermula pada 3 Disember 2013. YBhg. Datuk juga telah sudi meluangkan masa untuk melihat sendiri kesan daripada kerosakan akibat banjir.

YBhg. Datuk telah diberi taklimat mengenai tindakan penyelamatan operasi banjir di Daerah Kemaman pada 2 hingga 9 Disember 2013 oleh YS PPjB Md. Salleh bin Sarbini, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu. Turut hadir sama dalam taklimat tersebut adalah Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Ketua Zon 2, Ketua-ketua balai di bawah Zon 2 serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Turut serta didalam rombongan tersebut adalah Puan Rohani binti Omar, Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Puspanita KPKT dan 30 orang ahli Puspanita. Satu sidang media juga telah diadakan dan diakhir sesi lawatan, YBhg. Datuk telah menyampaikan sumbangan kepada warga Balai Bomba dan Penyelamat Chukai, Kemaman.

Seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kesudian YBhg. Datuk Noriah binti Hashim dan ahli-ahli Puspanita, KPKT hadir ke BBP Chukai, Kemaman.



LAWATAN MESRA **YAS KETUA PENGARAH** **KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT** **SELAMA, PERAK**

Selama, 15 November 2013 (Jumaat) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat lawatan mesra ke Balai Bomba dan Penyelamat Selama pada 15 November 2013. YAS Ketua Pengarah turut diiringi oleh YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Lawatan ke balai-balai bomba adalah satu pendekatan YAS Ketua Pengarah dalam menjalinkan hubungan mesra diantara pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai di balai-balai serta untuk mendalami permasalahan yang dihadapi oleh mereka.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN OKTOBER 2013 DAN MAJLIS QURBAN 1434H PERINGKAT IBU PEJABAT

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

UAR 33



17 Oktober 2013 (Khamis) bersamaan dengan 12 Zulhijjah 1434H - Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Oktober 2013 telah dihoskan oleh Bahagian Pembangunan di Dewan Sutera, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya.

Majlis dimulakan dengan ucapan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Antara pengisian ucapan tersebut yang ditekankan ialah cara bekerja yang cepat dan mesra perlu ditanamkan pada setiap kakitangan agar objektif menjadikan jabatan ini sebuah organisasi kebombaian yang berprestasi tinggi akan tercapai seiring dengan wawasan negara menjadi negara maju pada tahun 2020.

Kita perlu sedar bahawa segala apa yang diaspirasikan tidak akan menjadi realiti tanpa pelaksanaan yang pantas, tepat dan berkesan sejajar dengan Moto jabatan yang diperkenalkan iaitu "Fast and Freandly".





Atur cara pada pagi tersebut diteruskan dengan sesi pengenalan pegawai baru, penyampaian Sijil Anugerah Pegawai Sejahtera dan Perkhidmatan Terpuji serta ceramah yang bertajuk “Berkorban Apa Saja” yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Che Amran bin Md Yusoff. Turut hadir ialah Penolong-penolong Ketua Pengarah, Pegawai-pegawai kanan serta kakitangan jabatan.



LAWATAN KE **AVP ENGINEERING** DI TELUK PANGLIMA GARANG, SELANGOR



18 November 2013 (Isnin) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke AVP Engineering di Teluk Panglima Garang, Selangor pada 18 November 2013. Turut hadir ialah YS Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, PPjB Sobberi bin Basiran, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat, Tuan Hj. Nor Azmi bin Mohd Jamal, Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera serta pegawai-pegawai kanan jabatan.





Lawatan tersebut diadakan bertujuan untuk membuat pemeriksaan status terkini jentera Fire Resque Tender (FRT), EMRS dan Water Tanker serta memastikan supaya semua perolehan tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan.



“CEPAT DAN MESRA”



Ibu Pejabat

***Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.
Tel : 603-8888 0036 / Faks : 603-8888 0840
email : korporat@bomba.gov.my
website : www.bomba.gov.my***



Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat